FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN, MATLAMAT DAN MISI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN, MATLAMAT DAN MISI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Cetakan Pertama 2001
©Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Persiaran Duta off Jalan Duta, 50604 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam –Penerbitan

Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum
Falsafah pendidikan kebangsaan, matlamat dan misi
Kementerian Pendidikan Malaysia / Pusat Perkembangan
Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
Bibliografi: ms. 40
ISBN 983-2340-37-3
1. Education-Malaysia-Philosophy. 2. Education-Aims and
objectives-Malysia. I. Judul.
370.595

KATA PENGANTAR

Pelaksanaan kurikulum sekolah yang disemak semula memberi penekanan atas strategi pembelajaran yang berkesan sesuai dengan kehendak pendidikan masa kini dan masa depan.

Sebagai usaha untuk membantu guru memahami dan mengamalkan strategi tersebut, Pusat Perkembangan Kurikulum telah menghasilkan pelbagai bahan sokongan kurikulum yang terdiri daripada beberapa modul pengajaran dan pembelajaran dan buku penerangan am tentang pengurusan dan pelaksanaan kurikulum.

Modul pengajaran dan pembelajaran boleh membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di samping mewujudkan suasana bilik darjah yang menggembirakan. Buku penerangan am bertujuan untuk menjadi panduan kepada pengurus dan pelaksana kurikulum dalam usaha mereka untuk melaksanakan kurikulum dengan lebih berkesan.

Pusat Perkembangan Kurikulum merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan penyediaan modul-modul serta buku penerangan am ini. Semoga bahan sokongan berkenaan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat.

Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN

1.	Kata Pengantar	
2.	Pengenalan	1
3.	Objektif	1
4.	Rasional	2
5.	Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia	3
6.	Huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia	4
7.	Strategi Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia	22
8.	Merancang Aktiviti Ke arah Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia	31
9.	Penutup	34
10.	Pengukuhan	35
11.	Penilaian	36
12.	Jawapan Kepada Soalan-Soalan Penilaian	38
13.	Rujukan	42
14.	Glosari	43
15.	Panel Penulis	44
16.	Senarai Nama Modul dan Buku Penerangan Am	

1.0 Pengenalan

Kurikulum sekolah di Malaysia bertujuan memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu daripada aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berteraskan penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selaras dengan itu, FPK telah dijadikan garis panduan untuk memperbaiki dan memantapkan sistem pendidikan negara.

Buku Penerangan ini memberikan penjelasan mengenai FPK, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menggariskan matlamat Pendidikan Negara dengan lebih terperinci dan jelas dengan tujuan membantu guru dan pihak yang terlibat dengan pendidikan.

2.0 Objektif

Selepas membaca buku penerangan am ini guru boleh :

- menyatakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), matlamat dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia;
- menerangkan FPK, matlamat dan misi KPM;
- menghuraikan kepentingan FPK, matlamat dan misi KPM;
- menjelaskan strategi ke arah merealisasikan matlamat dan misi KPM; dan
- menghayati dan merancang aktiviti untuk merealisasikan matlamat dan misi KPM.

3.0 Rasional

KPM merupakan sebuah organisasi yang terdiri daripada beberapa bahagian dengan fungsi yang berbeza. Justeru, satu matlamat dan objektif bersama perlu diwujudkan untuk menyatupadukan semua anggota organisasi supaya bergerak dalam satu hala tuju yang sama.

Visi dan matlamat yang jelas adalah penting untuk memfokuskan usaha kita mencapai sesuatu hasrat dan tujuan.

Bagi tujuan tersebut KPM telah mewujudkan FPK, matlamat dan misi sebagai panduan untuk menumpukan segala usaha dan tindakan. Ketiga-tiga perkara ini serasi dengan visi negara yang bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dan progresif seperti yang dinyatakan dalam Rukun Negara dan Wawasan 2020.

Matlamat dan misi KPM berfungsi sebagai panduan kepada pendidik supaya usaha mereka berfokus dan bergerak seiring dengan hasrat negara. Usaha ini bertujuan melahirkan murid yang seimbang dan boleh menyumbang kepada masyarakat secara positif dan konstruktif. Seterusnya Malaysia akan menjadi sebuah negara yang makmur dan maju.

4.0 Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

MATLAMAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. *Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu.*
2. *Melahirkan insan yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan dan sejahtera.*
3. *Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara.*
4. *Memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.*

MISI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memperkembang potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia.

5.0 Huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

5.1 Huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan

i. Pendidikan Suatu Usaha Berterusan

Manusia perlu menyesuaikan diri mereka dengan pelbagai perubahan yang berlaku sepanjang hayat mereka. Oleh sebab itu, pendidikan yang terancang dan sebaliknya di pelbagai peringkat hidup, seperti rajah 1, berlaku atau diadakan untuk mereka menyesuaikan diri kepada pelbagai perubahan. Kini masyarakat kita sedang melalui perubahan yang pesat, khasnya dalam persaingan untuk menguasai aplikasi sains, teknologi maklumat dan komunikasi serta menangani cabaran globalisasi dan k-ekonomi. Untuk menyesuai diri kepada perubahan ini, seseorang perlu melengkap diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang terkini dari semasa ke semasa. Justeru, pendidikan sepanjang hayat perlu diberi penekanan yang semakin besar.



Rajah 1 : Konsep Pendidikan Sepanjang Hayat

Proses pendidikan berlangsung berterusan dalam diri seseorang kerana manusia perlu menyesuaikan diri mereka dengan pelbagai perubahan. Perkembangan ini telah membawa pelbagai perubahan yang mencabar seperti perkembangan k-ekonomi dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

Dalam menangani perubahan dalam pembangunan yang pesat ini, peningkatan dan pengurusan pengetahuan diri dengan kemahiran dan pengetahuan terkini terus diberi penekanan. Justeru, pendidikan sepanjang hayat adalah selaras dengan hasrat FPK.

ii. Memperkembang Potensi Individu

Sejak lahir individu memiliki pelbagai keupayaan, bakat dan potensi seperti rajah 2. Keupayaan dan bakat ini boleh dikembangkan melalui interaksi dengan persekitaran dan pendidikan yang berkualiti. Walaupun individu memiliki keupayaan dan bakat tetapi tidak semua keupayaan dapat dilihat dengan jelas kerana kebanyakannya masih terpendam. Oleh itu usaha perlu dijalankan bagi mencungkil, memupuk, memperkembang dan meningkatkan bakat serta keupayaan tersebut.



Rajah 2 : Domain Potensi Individu

Hasrat pendidikan adalah untuk memberi peluang kepada setiap individu untuk memperkembang semua potensi yang mereka miliki.

Pendidikan memainkan peranan utama dalam memperkembang potensi individu. Setiap potensi boleh berkembang ke tahap cemerlang jika diberikan peluang yang secukupnya. Oleh yang demikian, usaha untuk memperkembang potensi individu perlu dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan bersungguh-sungguh.

iii. Perkembangan Potensi Secara Menyeluruh dan Bersepadu

Manusia sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan tersebut. Untuk membolehkan manusia memenuhi keperluan ini, semua potensi perlu dikembangkan.



iv. Insan Yang Seimbang & Harmonis

Insan yang seimbang dan harmonis bermaksud insan yang memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Tuhan, mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, tubuh badan yang sihat dan cergas serta dapat bekerjasama dengan orang lain.



v. Unsur Intelek



- Mempunyai kemahiran asas 3M
- Mendapatkan, meningkatkan dan menyebarkan ilmu
- Berfikir secara kritis dan kreatif
- Memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain

vi. Unsur Rohani

- Menyedari dan menginsafi adanya Pencipta
- Menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta
- Menyedari dan menginsafi tanggungjawab
- Memupuk dan membina disiplin kendiri
- Membentuk akhlak mulia

vii. Unsur Emosi

- Perasaan tenang dan tingkah laku terkawal
- Memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang
- Memiliki semangat kekitaan dan perpaduan
- Menghargai serta menilai keindahan dan kesenian

viii. Unsur Jasmani



- Menjaga kesihatan badan
- Melakukan riadah
- Mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal dan manipulatif
- Memanfaatkan tenaga fizikal untuk berdikari
- Menggunakan tenaga fizikal bagi kepentingan masyarakat
- Berusaha meningkatkan daya pengeluaran

ix. Kepercayaan dan Kepatuhan kepada Tuhan



x. Rakyat Malaysia yang Berilmu Pengetahuan



xi. Rakyat Malaysia yang Berketerampilan



xii. Rakyat Malaysia yang Berakhlak Mulia



xiii. Rakyat Malaysia yang Bertanggungjawab

Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab

- Menyedari tugas dan tanggungjawab adalah amanah
- Menyedari tugas dan tanggungjawab mesti dilaksanakan dengan sempurna
- Menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah
- Sentiasa mempertingkatkan daya pengeluaran
- Mematuhi peraturan dan undang-undang negara
- Berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara

xiv. Rakyat Malaysia yang Berkeupayaan Mencapai Kesejahteraan Diri



xv. Rakyat Malaysia yang Dapat Memberi Sumbangan terhadap Keharmonian dan Kemakmuran Keluarga, Masyarakat dan Negara



5.2 Huraian Matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia

Matlamat KPM ada empat bahagian yang penting seperti di rajah 3.



Rajah 3 : Matlamat Kementerian Pendidikan

i. Melahirkan Bangsa Malaysia yang Taat Setia dan Bersatu Padu

KPM telah merancang beberapa strategi bagi melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersepadu. Aktiviti kurikulum, kokurikulum dan komuniti memainkan peranan yang penting dalam melahirkan bangsa Malaysia yang dihasratkan.



Rajah 4: Strategi KPM Melahirkan Bangsa Malaysia Taat Setia dan Bersatu Padu

ii. Melahirkan Insan yang Beriman, Berilmu, Berakhlak Mulia, Berketerampilan dan Sejahtera

Agama Islam adalah agama rasmi negara Malaysia seperti yang termaktub dalam perlembagaan. Walau bagaimanapun, penganut agama lain bebas mengamalkan agama masing-masing. Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral telah diajarkan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan dan sejahtera.



Rajah 5: Pendidikan untuk Melahirkan Insan yang Beriman, Berilmu, Berakhlak Mulia, Berketerampilan dan Sejahtera

iii. Menyediakan Sumber Tenaga Manusia untuk Keperluan dan Kemajuan Negara

Kerajaan Malaysia telah berusaha menubuhkan sebuah masyarakat bermaklumat dan berilmu pengetahuan (k-masyarakat) menjelang tahun 2020 dengan membuat penyesuaian yang sewajarnya. Perancangan ini memerlukan pekerja yang

- berilmu pengetahuan
- berupaya menambah nilai
- berupaya mengemas kini ilmu pengetahuan melalui pendidikan sepanjang hayat dan
- mempunyai kemahiran menggunakan teknologi yang terkini.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah memberi penekanan pada perkembangan kemahiran belajar dan kemahiran generik untuk melahirkan satu golongan murid yang sentiasa ingin belajar dan berkebolehan mengikuti pelajaran mereka semasa di bangku sekolah mahupun selepas meninggalkan bangku sekolah.

Selain itu beberapa program inovasi yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

Projek Sekolah Bestari

Projek Sekolah Bestari adalah untuk melahirkan insan yang:

- boleh menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif
- boleh belajar secara kendiri
- boleh menggunakan ICT untuk meningkatkan taraf profesionalisme
- mempunyai daya saing untuk menghadapi cabaran
- bermoral

E-Pembelajaran

Program e-pembelajaran KPM (lihat Lampiran IV) dilaksanakan selari dengan kehendak Agenda Teknologi Maklumat Negara (National Information Technology Agenda (NITA, lihat muka surat 42). Program e-pembelajaran berkenaan adalah:

- Grid pembelajaran kebangsaan
- Merumus program-program untuk mengorientasikan sekolah sebagai pusat pembelajaran teknologi maklumat dan komunikasi untuk masyarakat
- Melaksanakan latihan celik teknologi maklumat dan komunikasi serta sijil perakuan untuk para pendidik
- Memulakan projek pembangunan kandungan tempatan
- Mengatur semula sistem pendidikan kebangsaan

Kejayaan program ini akan menghasilkan sumber tenaga yang berketerampilan, berilmu pengetahuan dan sanggup menangani cabaran baru. Oleh itu, usaha KPM adalah selaras dengan hasrat negara untuk menubuhkan k-masyarakat.

iv. Memberikan Peluang Pendidikan kepada Semua Warganegara Malaysia

KPM sentiasa berusaha agar semua warganegara tanpa mengira latar belakang mendapat pendidikan asas yang berkualiti.



Rajah 6: Sistem Pendidikan yang Memberi Peluang kepada Semua Warganegara

5.3 Huraian Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

MISI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memperkembang potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia.

Misi KPM ialah untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Pembangunan sistem pendidikan berkualiti seharusnya meliputi seluruh aspek pendidikan termasuk prasarana berkualiti, aplikasi teknologi, warga pendidikan yang proaktif, kurikulum yang kemas kini, peluang mengadakan penyelidikan dan pembangunan dan dasar pendidikan terbuka seperti rajah 7. Tujuan ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



Rajah 7: Komponen Sistem Pendidikan Bertaraf Dunia

6.0 Strategi Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

KPM telah merancang beberapa strategi bagi merealisasikan FPK, Matlamat dan Misi. Guru haruslah memahami kehendak strategi ini dan memberi sokongan yang kuat untuk melaksanakan strategi tersebut.



Rajah 8: Strategi dan Peranan Guru bagi Merealisasikan Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

6.1 Pendekatan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia

Cabaran alaf baru memerlukan pendekatan yang lebih strategik untuk menggunakan sumber pendidikan sedia ada secara cekap dan optimum bagi mewujudkan sistem pendidikan yang berkualiti dan seterusnya melahirkan individu yang terbaik. Pendekatan yang berbentuk menyeluruh dan bersepadu akan menjadi teras utama pembangunan pendidikan dalam tempoh 10 tahun akan datang bagi memenuhi permintaan pendidikan yang meningkat, menangani kekangan sumber pendidikan yang terhad dan memenuhi tuntutan era teknologi maklumat. Pendekatan strategik untuk memenuhi tujuan ini telah dinyatakan dalam buku Dasar Pembangunan Pendidikan Kebangsaan (DPPK).

Strategi ini merangkumi pembangunan insan, pembangunan sumber pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan.

i. Pembangunan Insan

Pembangunan insan bermatlamat memperkembang potensi individu secara menyeluruh untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi. Ini juga bertujuan untuk melahirkan pekerja yang berilmu dan berketerampilan dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif bagi memenuhi keperluan negara untuk mencapai kecemerlangan dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). Pembangunan insan akan memberi penekanan kepada perkara-perkara yang berikut:

Penyediaan kurikulum yang relevan	Kurikulum perlu diubah suai mengikut keperluan semasa supaya murid memperolehi pengetahuan terkini, mengikuti perkembangan sosial dan menguasai kemahiran yang bernilai dari segi ekonomi.
Penyediaan sistem penyampaian yang berkesan	Sistem penyampaian yang berkesan akan meluaskan pengalaman murid kerana mereka dapat maklumat daripada pelbagai punca maklumat di seluruh dunia dengan menggunakan teknologi yang canggih seperti ICT. Sistem ini juga membolehkan pembelajaran kendiri dilaksanakan.

Penekanan kepada pendidikan agama dan moral

Peningkatan salahlaku di kalangan pelajar sekolah dan gejala sosial dalam masyarakat memerlukan penerapan nilai-nilai agama dan moral pada semua peringkat pendidikan diperkukuh dan memastikan nilai-nilai baik dapat dihayati dalam semua aspek kehidupan.

Pemupukan semangat patriotisme

Semangat patriotik perlu dipupuk melalui semua mata pelajaran. Pemupukannya juga dapat dilakukan melalui aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat. Pemupukan semangat patriotik bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Peningkatan peluang pendidikan melalui pelbagai bidang dan pendekatan alternatif

Perubahan yang berlaku pada masa ini menuntut setiap individu meningkatkan ilmu, latihan dan kemahiran supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus perdana pendidikan negara. Antara pendekatan yang digunakan termasuklah memberi kemahiran baru (reskilling), meningkatkan kemahiran (upskilling) dan pendidikan jarak jauh.

Penekanan kepada sains dan teknologi

Kemajuan sains dan teknologi dituntut oleh negara untuk memastikan pencapaian taraf negara maju. Dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja dalam bidang ini akan mempercepat proses ke arah tersebut.

ii. Pembangunan Sumber Pendidikan

Penggunaan sumber pendidikan seperti tenaga pengajar, prasarana, program sokongan, kewangan dan sistem pengurusan akan dioptimumkan untuk menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti. Semua program dan projek pendidikan akan menggunakan pendekatan secara bersepadu tanpa pembaziran masa, tenaga dan kewangan. Pembangunan sumber pendidikan akan memberi penekanan kepada perkara yang berikut :

Penyediaan input pendidikan yang mencukupi, lengkap dan terkini	Input pendidikan seperti guru, prasarana dan program sokongan akan dipertingkat dari segi kuantiti dan kualitinya dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan semasa.
Pelaksanaan program pendidikan mengikut perancangan	Program pendidikan dirancang bersepadu dengan Rancangan Malaysia. Ini meliputi sumber kewangan, keperluan prasarana dan pembekalan tenaga pengajar. Pelaksanaan program pendidikan mengikut rancangan akan memastikan bahawa matlamat pendidikan dan Rancangan Malaysia akan tercapai.
Peningkatan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran	Tenaga pengajar yang berkualiti dan berwibawa perlu disediakan. Persekitaran pembelajaran yang kondusif juga perlu disediakan bagi peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran tidak hanya berlegar dalam bilik darjah dengan hanya menggunakan buku teks sahaja tetapi boleh diperluas ke seluruh dunia menggunakan Internet dan bahan multimedia.

iii. Penyelidikan dan Pembangunan (R & D)

Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang diterima agar dapat digunakan untuk mengemas kini serta memperbaiki dan mempertingkat sistem pendidikan dari semasa ke semasa. Untuk menjayakan R&D, perkara-perkara yang berikut perlu diberi perhatian :

Penyediaan tenaga pakar untuk penyelidikan	Mengadakan program latihan bagi guru dan pegawai pendidikan untuk meningkatkan kemahiran menjalankan penyelidikan.
Sumber kewangan	Mencari sumber kewangan untuk membiayai projek penyelidikan dan pembangunan.
Dasar pendidikan untuk menggalakkan penyelidikan	Dasar pendidikan digubal bagi menggalakkan penyelidikan pada semua peringkat.

6.2 Peranan Guru Bagi Merealisasikan Strategi Kementerian Pendidikan Malaysia

Usaha guru untuk merealisasikan strategi KPM harus berfokus pada aspek kurikulum, kokurikulum, pengurusan dan pentadbiran sekolah serta perhubungan dengan masyarakat.

i. Pelaksanaan Kurikulum

> Kurikulum kebangsaan ialah suatu program pendidikan kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.
>
> Perkara 3(1), (Warta Kerajaan, 31 Disember 1997)

Kurikulum kebangsaan merangkumi pelbagai mata pelajaran yang mempunyai ciri-ciri yang khusus. Setiap mata pelajaran memberi penekanan yang berlainan dari segi perkembangan potensi individu.

Mata Pelajaran	Aspek Penekanan
Bahasa Sains Matematik	Perolehan pengetahuan, kemahiran dan komunikasi
Sejarah Geografi Kajian Tempatan	Kepercayaan kepada Tuhan Perolehan pengetahuan dan amalan nilai murni Pengetahuan dan kemahiran tentang aspek sejarah, alam sekitar dan budaya
Pendidikan Agama Islam Pendidikan Moral	Pemupukan semangat berbangga dan cinta akan negara
Muzik Pendidikan Seni Visual Pendidikan Jasmani	Kesihatan badan dan mental Penghayatan keindahan alam sekitar Perkembangan bakat murid
Kemahiran Hidup Reka Cipta Mata Pelajaran Vokasional	Perkembangan kemahiran manipulatif dan vokasional

Rajah 9: Aspek Penekanan Bagi Beberapa Mata Pelajaran Dalam Kurikulum Malaysia

Dari segi pembangunan insan, pihak pengurusan sekolah mestilah memberikan perhatian pada semua mata pelajaran yang ditawarkan kepada murid di sekolah masing-masing. Bagi guru pula, mereka bukan hanya perlu memberi perhatian pada mata pelajaran yang mereka ajar tetapi juga bekerjasama dengan pihak pengurusan sekolah dan guru mata pelajaran lain untuk mewujudkan keadaan yang kondusif bagi perkembangan semua aspek potensi.

Untuk memastikan kurikulum adalah relevan, KPM menyemak semula kurikulum dari semasa ke semasa dan membuat penyesuaian mengikut keperluan terkini misalnya, pengenalan Projek Sekolah Bestari, integrasi ICT dan penambahan mata pelajaran vokasional untuk menangani cabaran alaf baru. Justeru, guru hendaklah sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran terkini supaya dapat menjelmakan kehendak kurikulum kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk menjayakan program baru.

KPM juga telah menetapkan agar proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan kerana bahasa ini merupakan bahasa pengantar di semua sekolah kecuali sekolah jenis kebangsaan. Walau bagaimanapun, bahasa kebangsaan adalah wajib diajarkan di sekolah jenis kebangsaan.

> (1) Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.
> (2) Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.
>
> Perkara 17.1, Akta Pendidikan 1996

Dalam usaha menggalakkan murid menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul dan efektif, bimbingan daripada guru amatlah penting. Guru perlu meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan terutama di sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang lebih banyak menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa perbualan. Bagi menghadapi era globalisasi, murid digalakkan mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di samping bahasa-bahasa asing yang lain.

ii. Pelaksanaan Kokurikulum

Matlamat dan misi KPM juga boleh direalisasikan melalui kegiatan kokurikulum seperti aktiviti sukan dan permainan, persatuan dan kelab, serta badan beruniform.

> Kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan seperti yang berikut :
> (a) penyertaan dalam sukan dan permainan
> (b) penyertaan dalam persatuan dan kelab
> (c) penyertaan dalam badan beruniform; dan
> (d) kegiatan lain sebagaimana ditentukan oleh Menteri.
>
> Perkara 3(3), Warta Kerajaan, 31 Dis 1977

Kegiatan kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum untuk memperkembang potensi individu secara menyeluruh ke arah mencapai aspirasi negara. Aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti gotong-royong, perkhemahan, perkhidmatan komuniti, berkawad, treking dan sebagainya dapat memupuk semangat perpaduan, kerjasama, toleransi, kekitaan dan hormat-menghormati, sikap yakin kepada diri sendiri dan berdikari. Penyertaan dalam sukan dan permainan akan memberi manfaat pada murid dari segi pertumbuhan fizikal, mental dan emosi. Justeru, aktiviti kokurikulum dapat melahirkan individu yang berdisiplin, mempunyai daya kepimpinan serta bertanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan negara.

iii. Pelaksanaan Pengurusan dan Pentadbiran

Dalam aspek pentadbiran dan pengurusan, guru perlu membantu dalam penyelenggaraan prasarana supaya kemudahan pengajaran dan pembelajaran sentiasa dalam keadaan yang baik. Guru juga memastikan bahawa segala prasarana yang disediakan seperti bilik darjah, makmal, pusat sumber, gelanggang sukan dan permainan hendaklah digunakan oleh murid secara optimum.

Guru dan pihak pengurusan sekolah juga perlu memastikan alat bantu mengajar adalah mencukupi supaya pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan dengan licin.

Segala aktiviti yang dirancang oleh guru seharusnya diuruskan dan dilaksanakan dengan berkesan supaya segala matlamat yang digariskan itu dapat dicapai.

iv. Pelaksanaan Perhubungan dengan Masyarakat

Guru sebagai ahli masyarakat hendaklah mengambil peluang untuk menggalakkan masyarakat terlibat secara aktif dalam pendidikan. Kebijaksanaan guru dalam perkara ini akan memberi manfaat besar kepada sekolah.

Penglibatan guru melalui PIBG dan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) boleh melahirkan semangat kerjasama secara berpasukan, saling bantu-membantu serta kesanggupan bekerja menolong pihak yang kurang bernasib baik. Perkongsian pintar (*smart partnership*) antara sekolah dengan masyarakat dapat juga melahirkan masyarakat yang dapat membantu sekolah untuk mendapat sumber kewangan dan tenaga yang diperlukan.

7.0 Merancang Aktiviti Ke arah Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

7.1 Pertimbangan untuk Merancang Aktiviti Murid

Rancangan pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi memenuhi hasrat FPK, Matlamat dan Misi KPM. Semasa merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, perkara yang berikut perlu diambil kira :

- Kaedah – berpusatkan murid ;
- Keselamatan – keadaan yang kondusif, persekitaran dan peralatan yang selamat;
- Pemikiran – merangsang cetusan idea, menggalakkan pemikiran secara terbuka dan sesuai dengan tahap pemikiran murid;
- Kemahiran maklumat – mengakses maklumat, memproses maklumat dan menambah nilai kepada maklumat;
- Bahasa yang digunakan – mudah difahami oleh semua pelajar dan bahasa halus; dan
- Nilai murni dan emosi – tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama, pembentukan keyakinan diri, semangat berpasukan, peka terhadap situasi setempat dan membentuk sikap yang positif.

7.2 Aktiviti Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia

Berikut adalah tiga contoh aktiviti yang boleh dijalankan di sekolah bagi merealisasikan FPK, Matlamat dan Misi KPM.

Contoh 1: Kurikulum

Contoh aktiviti kurikulum ialah membincangkan isu semasa. Aktiviti yang berkenaan adalah:

- berbincang dan sumbang saran untuk menjelaskan isu;
- mengakses maklumat melalui Internet dan sumber lain;

- menganalisis dan menilai maklumat;
- membuat sintesis, keputusan dan kesimpulan;
- menulis laporan; dan
- mempamerkan hasil kerja.

Projek penyelidikan sedemikian adalah mencabar dan membantu dalam perkembangan potensi murid dari beberapa segi:

Perkembangan intelek – Murid mengaplikasikan kemahiran ICT untuk mengakses maklumat. Tambahan pula, proses menilai maklumat memerlukan aplikasi kemahiran berfikir dan kemahiran yang berkaitan dengan penyelidikan;

Pemupukan nilai – Murid bekerjasama antara satu sama lain untuk menjayakan projek tersebut. Murid juga meneliti dan menimbangkan impak isu kepada masyarakat; dan

Penyebaran maklumat – Murid menyebarkan maklumat dan menyumbangkan idea yang konstruktif.

Contoh 2: Kokurikulum

Contoh kegiatan kokurikulum yang dijalankan ialah jambori tahunan pengakap. Aktiviti semasa perhimpunan ini merangkumi:

- membina khemah
- menyanyi lagu pengakap
- treking
- mencari harta karun
- membersihkan tapak khemah secara gotong – royong

Manfaat daripada kegiatan-kegiatan kokurikulum tersebut adalah seperti yang berikut:

- mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang telah diperoleh dan dikuasai di dalam bilik darjah;
- memupuk nilai perpaduan, semangat kerjasama, toleransi, kekitaan dan hotmat-menghormati di kalangan pelajar;
- memberi peluang kepada pelajar melatih diri serta memupuk sikap yakin kepada diri sendiri dan berdedikasi;
- mengeratkan hubungan dengan masyarakat melalui kegiatan sosial; dan
- memperkembang potensi, bakat dan nilai estatik murid.

Contoh 3: Perhimpunan Mingguan

Antara aktiviti perhimpunan mingguan adalah:

- menyanyi lagu Negaraku, lagu negeri dan lagu sekolah;
- mengadakan sesi ilmiah;
- membuat pengumuman aktiviti mingguan dan kejayaan sekolah dalam kegiatan kurikulum dan kokurikulum; dan
- membaca perutusan pemimpin negara dan pengetua atau guru besar.

Aktiviti perhimpunan mingguan bertujuan untuk membolehkan murid:

- mempertingkatkan kecekapan berbahasa dan berkomunikasi;
- memiliki kesedaran, tanggungjawab dan semangat patriotisme untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara; dan
- menyedari kepentingan akhlak, nilai dan disiplin diri yang sentiasa dipelihara serta merangsang pembinaan insan yang baik.

8.0 Penutup

FPK, Matlamat dan Misi KPM memberi tumpuan kepada perkembangan potensi murid secara menyeluruh dan seimbang. Penyataan-penyataan ini juga menggambarkan hasrat negara untuk mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang bermutu tinggi dan bertaraf dunia. Justeru, usaha daripada semua golongan pendidik harus berfokus ke arah merealisasikan kehendak negara ini. Sebagai seorang pendidik yang melaksanakan dasar pendidikan kebangsaan pada peringkat sekolah, guru harus sentiasa berusaha meningkatkan taraf profesional dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk merancang dan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh memanfaatkan murid. Kualiti murid yang dihasilkan oleh institusi pendidikan kita menjadi petunjuk kepada kejayaan atau kegagalan pendidikan kebangsaan.

LAMPIRAN I

Pengukuhan

Yang berikut adalah tiga soalan yang dicadangkan bagi mengukuhkan lagi kefahaman mengenai FPK, matlamat dan misi KPM :

Soalan 1

Simulasi

Anda telah dipilih untuk menganggotai rombongan KPM dalam lawatan ke luar negara.
Didalam atur cara lawatan tersebut, anda telah ditugaskan memberi taklimat mengenai FPK, matlamat dan misi KPM.
Sediakan kerangka dan bentangkan persembahan anda untuk taklimat tersebut.

Soalan 2

Simulasi

Anda baru dilantik sebagai pengetua dan ditempatkan di sebuah sekolah yang baru dibuka.
Sediakan matlamat dan misi sekolah baru anda berdasarkan FPK, matlamat dan misi KPM.

Soalan 3

Sila rancangkan satu aktiviti kokurikulum yang dapat menggambarkan hasrat FPK, matlamat dan misi pendidikan negara

LAMPIRAN II

Penilaian

Sila jawab soalan berikut:

Tandakan (✔) pada ruangan yang berkenaan bagi pernyataan 1 hingga 6.

	Betul	Salah
1. Pendidikan di Malaysia bertujuan memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.	☐	☐
2. Untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, aspek intelek, emosi dan jasmani diberikan penekanan.	☐	☐
3. Berdasarkan penyataan FPK, warganegara Malaysia bertanggungjawab dan berkeupayaan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara.	☐	☐
4. Matlamat KPM adalah memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara yang berkemampuan.	☐	☐
5. Pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan insan yang beriman, berketerampilan, berilmu, berakhlak dan sejahtera.	☐	☐
6. Misi pendidikan di Malaysia ialah untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia.	☐	☐

7. Senaraikan tiga ciri rakyat Malaysia yang boleh mencapai kesejahteraan diri seperti yang dihasratkan oleh FPK.

8. Nyatakan tiga pendekatan strategik yang anda boleh gunakan untuk merealisasikan matlamat dan misi KPM.

9. Berikan satu contoh aktiviti yang boleh anda gunakan untuk merealisasikan matlamat dan misi pendidikan negara berdasarkan jadual yang berikut :

Aspek	Contoh Aktiviti
Kurikulum	
Kokurikulum	
Perhubungan dengan masyarakat	

10. Huraikan secara ringkas penyataan di bawah:

    i. Pendidikan adalah suatu usaha berterusan.

    ii. Insan yang seimbang dan harmonis.

    iii. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara.

LAMPIRAN III

Jawapan Kepada Soalan-Soalan Penilaian

Sila jawab soalan yang berikut:

Untuk soalan 1 hingga 6, tandakan (✔) dalam ruangan yang disediakan.

	Betul	Salah
1. Pendidikan di Malaysia bertujuan memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. (Rujukan: muka surat 7)	✔	
2. Untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, aspek intelek, rohani dan jasmani diberikan penekanan. (Rujukan: muka surat 8)		✔
3. Berdasarkan penyataan FPK, warganegara Malaysia bertanggungjawab dan berupaya memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (Rujukan: muka surat 3)		✔
4. Matlamat KPM adalah memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara yang berkemampuan. (Rujukan: muka surat 20).		✔
5. Pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan insan yang beriman, berketerampilan, berilmu, berakhlak dan sejahtera. (Rujukan: muka surat 17)	✔	
6. Misi pendidikan di Malaysia ialah untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia. (Rujukan: muka surat 3 dan 21)	✔	

Jawab soalan-soalan yang berikut.

7. Senaraikan tiga ciri rakyat Malaysia yang berupaya mencapai kesejahteraan diri seperti yang dihasratkan oleh FPK.

i fikiran yang waras
ii jiwa yang tenang
iii badan yang sihat
iv ketahanan diri yang kuat
v hubungan yang baik dengan orang lain

8. Nyatakan tiga pendekatan strategik yang anda boleh gunakan untuk merealisasikan matlamat dan misi KPM

i Pembangunan insan
ii Pembangunan sumber pendidikan
iii Penyelidikan dan pembangunan

9. Beri satu contoh aktiviti yang boleh anda gunakan untuk menjurus ke arah merealisasikan matlamat dan misi pendidikan negara berdasarkan jadual yang berikut :

Aspek	**Contoh Aktiviti**
Kurikulum	Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran
Kokurikulum	Perkhemahan, gotong royong, hari kantin
Perhubungan dengan masyarakat	Perkongsian pintar Kerjasama dengan NGO Aktiviti bersama dengan PIBG

10. Huraikan secara ringkas penyataan di bawah:

i. Pendidikan suatu usaha berterusan
- berlangsung secara berterusan sejak kecil hingga ke akhir hayat.
- Berlaku di rumah, sekolah, institusi lain dan persekitaran.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, memupuk nilai dan menyesuaikan diri dengan perkembangan sosial dan ekonomi terkini.

(Rujukan: muka surat 4, 5 & 6)

i. Insan yang seimbang dan harmonis

- Menghayati ilmu pengetahuan, akhlak mulia, yakin kepada Tuhan, mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, sihat cergas dan boleh bekerjasama.
- Melaksanakan tanggungjawab
- Sanggup menghadapi cabaran
- Berguna kepada masyarakat

(Rujukan: muka surat 8)

ii. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara

- Penyediaan tenaga manusia yang bersesuaian
- Selaras dengan wawasan 2020 melalui perkembangan sains dan teknologi
- Sesuai dan seimbang dari segi sosiobudaya dan ekonomi
- Menjadi punca / sumber tenaga selari dengan kemajuan dunia

(Rujukan: muka surat 18 & 19)

LAMPIRAN IV

Projek E-Pembelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bernaung Di bawah Jawatankuasa Pelaksanaan Teras Strategik (STIC)

Bil	Projek	Tujuan
1	Grid Pembelajaran Kebangsaan	Menyepadu semua jaringan pendidikan untuk diakses melalui portal yang sama bagi khidmat pendidikan kepada semua peringkat sama ada pelajar di sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi, dewasa yang melanjutkan pelajaran secara sambilan dan komuniti.
2	Program-Program Pengorientasian Sekolah sebagai Pusat Pembelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Masyarakat	Membangunkan sekolah yang sesuai sebagai pusat pembelajaran untuk komuniti, khususnya bagi pelajar yang tidak mempunyai kemudahan IT di rumah dan masyarakat setempat yang berhajat melanjutkan pelajaran atau meningkatkan tahap profesionalisme/menukar karier melalui pembelajaran jarak jauh.
3	Program Pelaksanaan Latihan Celek Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Sijil Perakuan untuk Para Pendidik	Melahirkan tenaga pendidik yang celik teknologi maklumat dan berkebolehan mengikut standard antarabangsa. Penganugerahan sijil yang diiktirafkan sedang dikaji oleh Kementerian Pendidikan.
4	Pembangunan Kandungan Tempatan	Memahami dan menggunakan perisian pembelajaran tempatan .
5	Pengstrukturan Semula Sistem Pendidikan Kebangsaan	Menyelaras semula sistem pendidikan melalui pembangunan pembelajaran inovatif bagi memenuhi keperluan masyarakat berpengetahuan.

Rujukan

Ahmad Atory Hussain, (1990). *Politik dan Dasar Awam Malaysia* (Cetakan Kedua), Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, (1988). *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia,* INTAN.

Joseph Low Eng Guan, (1997). *Konsep dan Pelaksanaan Pembelajaran Masteri dalam KBSR dan KBSM.* Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia, (2000). *Dasar Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010,* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia, (1999). *Laporan Tahunan 1999.*

Kementerian Pendidikan Malaysia, (1996). *Undang-Undang Malaysia: Akta Pendidikan 1996.*

Ministry of Education Malaysia, (1997). *Education in Malaysia.*

Pusat Perkembangan Kurikulum, (1990). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara.*

Pusat Perkembangan Kurikulum, (1992). *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.*

Pusat Perkembangan Kurikulum, (1992). *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.*

Pusat Perkembangan Kurikulum, (2001). *Taklimat Pelawat Ke Pusat Perkembangan Kurikulum.*

Seri Paduka Baginda, (1997). *Warta Kerajaan.*

Tajul Ariffin bin Noordin & Nor Aini bte Dan (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah, Perguruan dan Persekolahan.* Dewan Bahasa & Pustaka.

Glosari

ICT	:	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information Communication Technology) merujuk kepada penyampaian yang menggunakan peralatan elektronik
KBKK	:	Kemahiran yang membolehkan seseorang individu berfikir secara kritis dan kreatif.
K-ekonomi	:	Satu istilah diberikan kepada era ekonomi yang berasaskan maklumat dan pengetahuan. Dalam k-ekonomi, pengetahuan dianggap sebagai aset utama bagi pembangunan ekonomi menggantikan faktor pengeluaran tradisional seperti tanah dan buruh. Pengeluaran, pengagihan, penggunaan dan penambahan nilai kepada maklumat dijalankan secara aktif. Kejayaan sesuatu ekonomi bergantung kepada tenaga kerja yang dinamik dan inovatif dan mahir dalam ICT bagi mengendalikan maklumat. Pendidikan sepanjang hayat memainkan peranan yang penting untuk memberi kemahiran baru (reskilling) dan meningkatkan kemahiran (upskilling) tenaga kerja.
K-masyarakat	:	Masyarakat yang berasaskan k-ekonomi.
NGO	:	Pertumbuhan yang ditumbuhkan dan dikawal oleh pihak bukan-kerajaan.
NITA	:	Agenda Teknologi Maklumat Negara yang dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1996, dengan tujuan memperkenalkan agenda berkenaan sebagai strategi utama kerajaan untuk membangunkan bangsa dan negara selaras dengan Wawasan 2020. NITA di wujudkan supaya pembangunan seimbang dapat dilaksanakan antara insan, prasarana maklumat (infrostruktur) dan aplikasi. Ia adalah perjalanan menuju ke arah pembentukan masyarakat maju berasaskan nilai, menekankan kepada kepentingan mencapai matlamat keadilan dan persamaan bagi mencapai maklumat, penciptaan nilai murni serta perubahan masyarakat secara kualitatif. Lima bidang telah diusaha untuk merealisasikan NITA: e-kedaulatan, e-ekonomi, e-komuniti, e-perkhidmatan awam dan e-pembelajaran.
R&D	:	Research and Development (Penyelidikan dan Pembangunan): Membuat kajian untuk mencari ilmu baru dan mengaplikasinya untuk perkembangan ekonomi dan sosial.

Panel Penulis

Penasihat : Dr. Sharifah Maimunah bt. Syed Zin
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum

Pengerusi : Dr. Rohani bt Abd Hamid
Timbalan Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum

Ahli Panel :

Dr. Yeap Chin Heng (Ketua)
Pusat Perkembangan Kurikulum

Tn. Hj. Ibrahim bin Othman
Pusat Perkembangan Kurikulum

En. Zaidi bin Abdul Hamid
Pusat Perkembangan Kurikulum

En. Zainudin bin Ibrahim
Pusat Perkembangan Kurikulum

En. Mohd. Tamizi bin Maruddin
Pusat Perkembangan Kurikulum

En. Ridzuan bin Hassan
Pusat Perkembangan Kurikulum

Pn. Zarina bt. Abd Majid
Pusat Perkembangan Kurikulum

SENARAI NAMA MODUL DAN BUKU PENERANGAN AM

Modul dan buku penerangan am yang dihasilkan oleh PPK:

- Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran
- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan
- Pembelajaran Secara Konstruktivisme
- Pembelajaran Secara Konstektual
- Pembelajaran Akses Kendiri
- Pembelajaran Masteri
- Belajar Cara Belajar
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
  Matlamat dan Misi, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kepemimpinan dan Pengurusan Kurikulum Di Sekolah
- Penilaian Kendalian Sekolah